

29 NOV 2000

Lunas-Keputusan

BN TERIMA KEKALAHAN DI LUNAS, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Barisan Nasional (BN) menerima kekalahan calonnya dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Kedah kawasan Lunas hari ini.

"Itu keputusan Lunas, kita terimalah," katanya ketika diminta mengulas keputusan pilihan raya kecil itu, yang dimenangi calon Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Saifuddin Nasution Ismail dengan majoriti 530 undi.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata beliau kecewa dengan kekalahan BN itu dan mahu kajian dibuat untuk mengetahui sebab-sebab kekalahan itu.

"Kita kena tengok kemudian, kita tidak tahu sebab-sebab kekalahan BN," katanya ketika ditemui pemberita selepas menunaikan solat sunat tarawikh bersama warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Majlis Khalid Ibn Al-Walid Kementerian Pertahanan di sini, malam ini.

Dr Mahathir berkata, beliau telahpun dimaklumkan mengenai keputusan pilihan raya kecil itu.

Beliau enggan mengulas lanjut sehingga mengetahui sebab-sebab kekalahan BN.

Saifuddin, 36, memperolehi 10,511 undi manakala calon BN daripada MIC, S.Anthonysamy, 59, mendapat 9,981 undi. Seorang lagi calon, N.Letchumanan (Bebas), 46, hanya mendapat 50 undi dan hilang wang pertaruhan.

Sementara itu, Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu berkata MIC menerima keputusan pengundi Lunas.

"Kita akan terus berjuang," kata Menteri Kerja Raya itu semasa dihubungi di Kulim malam ini.

Sementara itu, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak yang juga Naib Presiden Umno berkata, BN menerima keputusan pengundi di Lunas walaupun merasakan masa depan penduduk di kawasan itu lebih terjamin di bawah BN.

"Kita akan buat kajian mendalam apa sebenarnya yang telah berlaku, kita tak seharusnya menuding jari terburu-buru dan kita tak harus cemas.

"Kita patut letakkan dalam perspektif bahawa ini satu pilihan raya kecil, yang dalam sejarah kita pernah kalah dalam pilihan raya kecil dan lepas itu kita pulih balik keadaan kita dan kita kembali dengan kekuatan yang baru," katanya ketika ditemui pada majlis yang sama.

Najib, berharap keadaan yang sama (BN akan kembali dengan kekuatan baru) akan berlaku dan meminta para anggota parti komponen BN menyusun semula jenteranya di semua peringkat supaya dapat menebus semula kedudukan ini.

Ditanya sama ada keputusan Lunas memberi apa-apa petanda kepada BN Najib berkata: "Kita tidak boleh buat implikasi nasional, ini adalah apa yang berlaku dalam kawasan Lunas".

Di KULIM, anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Kadir Sheikh Fadzir berkata, kekalahan BN berpunca daripada sentimen perkauman dan keagamaan yang digunakan oleh pembangkang.

Beliau berkata, penduduk Lunas terpengaruh dengan pembangkang yang menggunakan isu-isu perkauman dan keagamaan dalam kempen itu.

"Kini kita (BN) mesti memastikan kempen-kempen seperti ini tidak akan digunakan lagi...Kita perlu mempunyai mekanisme yang betul dalam BN untuk menentang kempen seperti ini," kata beliau kepada pemberita.

Kekalahan BN itu juga menunjukkan parti pemerintah itu harus

memperkemaskan jentera pilihan rayanya daripada segi kordinasi, katanya.

Sementara itu, Presiden parti Barisan Progresif India (IPF) M.G.Pandithan apabila di hubungi di sini berkata, BN harus menjalankan "post-mortem" serius terhadap pilihan raya kecil itu.

"Kita telah berusaha gigih...kita rasa boleh menang walaupun dengan majoriti kecil. Tetapi menang dan kalah asam garam demokrasi oleh itu kami terima keputusan pengundi Lunas," kata beliau lagi.

-- BERNAMA

AFY SR NHA SM ES PR